

Bukan sekadar kibar bendera

u.m 9/8/07 MYS 11

Oleh **NORAINI ABDUL RAZAK**
(WARTAWAN UTUSAN)

TINGGAL 22 hari sahaja lagi rakyat Malaysia akan meraikan sambutan ulang tahun kemerdekaan tanah air yang ke-50. Banyak program telah dirangka untuk menyemarakkan semangat jubli emas itu dan ada di antaranya telah pun dilangsungkan sejak awal bulan lalu.

Perihal sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 telah diuar-uarkan sejak tahun lalu lagi - cukup untuk memberi gambaran bahawa semua pihak prihatin dan menghargai kemerdekaan yang kita kecapi selama ini.

Semestinya kita berbangga kerana menjadi rakyat Malaysia dan sanggup berbuat apa sahaja demi tanah air. Sebab itu lahir lah slogan seperti Keranamu Malaysia, Malaysiaku Gemilang dan Sayangmu Malaysia bagi menggambarkan rasa sayang dan cinta kita terhadap negara.

Namun di sebalik perubahan pesat yang melanda negara sehingga mengubah wajah Malaysia 50 tahun lalu, ada kebimbangan mengenai nilai-nilai positif yang semakin surut.

Sedangkan nilai-nilai tersebut hakikatnya menjadi benteng kepada perjuangan untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dari segenap aspek untuk tempoh 50 tahun akan datang.



PENGHAYATAN mengibar Jalur Gemilang perlu dipupuk sejak usia kanak-kanak.

- Gambar hiasan

Semestinya kita berbangga kerana menjadi rakyat Malaysia dan sanggup berbuat apa sahaja demi tanah air. Sebab itu lahirlah slogan seperti *Keranamu Malaysia, Malaysiaku Gemilang dan Sayangmu Malaysia* bagi menggambarkan rasa sayang dan cinta kita terhadap negara

Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr. Mohd. Tap Salleh berkongsi kebimbangan mengenai perubahan nilai dalam masyarakat yang menurut beliau jika tidak segera ditangani bakal menjejaskan masa depan Malaysia yang gemilang.

Beliau mengambil contoh paling mudah tetapi penting. Perubahan sikap di kalangan masyarakat yang kini tidak lagi mengambil berat apa yang berlaku di sekeliling mereka misalnya disifatkan sebagai kemerosotan nilai yang boleh menjejaskan usaha membentuk masyarakat prihatin.

Mohd. Tap menyingkap zaman kanak-kanaknya apabila beliau sendiri sering ditegur oleh jiran-jiran apabila terlebih perangai. Dan teguran tersebut pastinya menyedarkan beliau tentang kesilapan yang dilakukan serta sebagai amaran bahawa ada pihak yang menjadi pemerhati.

Menurutnya, budaya seumpama itu tidak lagi wujud pada masyarakat semasa sehingga kalangan remaja (yang merupakan generasi penting untuk mencorakkan masa depan Malaysia yang merdeka) tidak pernah takut untuk membuat sesuatu yang silap.

Beliau berkata, tiada siapa menafikan bahawa masyarakat sekarang semakin materialistik sehingga meminggirkan nilai-nilai penting ke arah mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka.

“Perkara ini nampak mudah tetap jika tidak segera ditangani atau diselesaikan akan memberi kesan kepada kemerdekaan negara yang sedang kita pertahankan sekarang ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau mengetengahkan satu lagi contoh mengenai program Rukun Tetangga yang satu ketika dulu begitu mendapat sambutan

kerana tujuannya adalah untuk menjaga keselamatan di tempat tinggal sendiri.

Melalui program tersebut juga semangat bekerjasama di kalangan penduduk pelbagai kaum dapat dipupuk terutamanya di kawasan bandar. Namun amalan sekarang tidak lagi begitu.

Setiap kali dihebahkan tentang program Rukun Tetangga misalnya ada yang bertanya berapa elaun yang dibayar, bagaimana pula tentang cuti serta apa insentif-insentif yang ditawarkan.

“Tidak kurang juga yang memberi alasan sibuk, sedangkan apa yang kita buat adalah untuk menjaga kesejahteraan keluarga sendiri.

“Tetapi apabila berlaku jenayah atau kemungkaran dalam masyarakat, kita melihat kepada siapa?

“Sedangkan kumpulan macam Rukun Tetangga inilah yang boleh membantu memastikan keselamatan di kawasan tempat tinggal kita terjaga,” katanya.

Mohd. Tap menarik perhatian mengenai sikap rakyat Malaysia yang terlalu mengharap kerajaan dalam apa juga yang mereka lakukan.

Contoh paling jelas, kata beliau, ialah perihai menyemarakkan sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 yang meniti di bibir setiap orang sekarang ini.

Katanya, ada kalanya pengibar Jalur Gemilang sempena Bulan Kemerdekaan ingin sahaja disimpulkan sebagai terpaksa

atau tidak ikhlas kerana segala-galanya mesti dimulakan oleh kerajaan.

Beliau memetik beberapa kenyataan mengenai gesaan dan saranan pihak kementerian yang berkenaan kepada orang ramai supaya mengibarkan Jalur Gemilang.

Sehingga ke satu peringkat, katanya, pihak kementerian mengeluarkan kenyataan menawarkan insentif kepada syarikat atau individu untuk mengibarkan bendera keramat itu.

Begitu juga kenyataan berbau amaran pihak kementerian untuk menyiarkan nama-nama syarikat yang tidak mengibarkan Jalur Gemilang di media cetak dan elektronik. Perlukah sehingga ke tahap itu?

“Pada saya tidak perlu, sepatutnya kita sebagai rakyat secara spontan menyambut ulang tahun kemerdekaan.

“Ini mustahak, kalau tidak merdeka 50 tahun pun tidak ada maknanya. Merdeka bukan sekadar kita melaungkan kemerdekaan dan selepas itu kita biarkan begitu sahaja,” katanya.

Menurut Mohd. Tap walaupun banyak benda yang kita suka tentang sesebuah negara di Barat, Amerika Syarikat atau Britain misalnya, banyak perkara positif perihai menghargai kemerdekaan negara yang mesti dicontohi.

Pengalaman beliau di negara-negara berkenaan menyaksikan masyarakat di sana tidak pernah menunggu arahan jauh sekali amaran untuk menyemarakkan

sambutan ulang tahun kemerdekaan.

Segala-galanya dilakukan secara spontan dengan kerelaan diri sendiri malah kerajaan hanya memainkan peranan yang terlalu kecil dan perkara seumpama itu belum boleh diperoleh di negara kita.

Beliau turut menyentuh mengenai rasa hormat rakyat Malaysia terhadap lagu kebangsaan yang amat kurang jika dibandingkan dengan rakyat di negara-negara lain seperti Korea misalnya.

“Kalau kita tengok di Korea, rakyatnya akan terus meletak tangan di dada sebaik mendengar lagu kebangsaan mereka.

“Di negara kita, kalau tidak di dalam dewan atau kerana ada VIP, mainkanlah lagu *Negaraku* tak ada orang yang kisah. Ini mesti kita lihat,” katanya.

Beliau berkata, tempoh 50 tahun adalah lama tetapi oleh kerana 70 peratus rakyat Malaysia lahir selepas merdeka, maka semangat patriotisme dan daya juang di kalangan mereka masih rendah.

Katanya, masyarakat sekarang terlalu terpengaruh dengan budaya materialistik dan suka berkhayal tentang perkara-perkara yang tidak penting sebab itu setiap kali dilangsungkan program hiburan sambutan sehingga melimpahi dewan. Mohd. Tap mengakhiri kebimbangannya dengan membuat kesimpulan bahawa, merdeka bukan setakat mengibar bendera atau mendapat cuti umum tetapi lebih daripada itu..